

Gerakan Bahasa Cina di Malaysia, 1952-1967: Hubungan Bahasa dan Etnik dalam Masyarakat Majmuk

TAN YAO SUA

PENGENALAN

Isu bahasa sering menjadi perbalahan dalam masyarakat majmuk yang cuba menggunakan satu bahasa sebagai teras pembinaan negara bangsa, lebih-lebih lagi dalam masyarakat majmuk yang mempunyai kumpulan etnik yang bersaing antara satu dengan yang lain dengan gigih untuk membangunkan bahasa dan budaya masing-masing demi mengekalkan identiti etnik masing-masing. Bahasa yang sama sudah diterima umum sebagai yang dapat membantu menyatukan rakyat kerana ia bukan sahaja mengukuhkan ikatan instrumental dan sentimental sesuatu sistem, malah saling mengukuhkan kedua-dua ikatan tadi (Kelman 1971:47-48). Di tahap ikatan sentimental, bahasa yang sama itu boleh memainkan peranan sebagai objek utama dan simbol ikatan untuk menghubungkan ketaatan rakyat dan ketaatan negara. Di tahap ikatan instrumental, bahasa yang sama itu dapat pula menyepadukan suatu sistem dengan menghubungkan individu yang semakin banyak itu dengan sistem tadi (Kelman 1971: 31-32). Penggunaan bahasa yang sama sebagai teras pembinaan negara bangsa telah didukung peranan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Bahasa kebangsaan adalah bahasa untuk suatu unit politik, budaya dan sosial, sementara bahasa rasmi digunakan sebagai bahasa urusan kerajaan (Holmes 2001:97). Bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi telah memainkan peranan yang berbeza dari segi sumbangannya kepada proses pembinaan negara bangsa, lantaran mengukuhkan ikatan sentimental (dalam kes bahasa kebangsaan) dan ikatan instrumental (dalam kes bahasa rasmi) negara bangsa.

Proses pembinaan negara bangsa dalam masyarakat majmuk lazimnya dikawali kumpulan majoriti, lebih-lebih lagi kumpulan majoriti yang merupakan kumpulan peribumi. Dalam konteks dasar bahasa, kumpulan majoriti lazimnya menuntut bahasanya diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Bagaimanapun, tuntutan ini mungkin tidak diterima dengan baik oleh kumpulan etnik yang lain, terutamanya mereka yang mempunyai "vitaliti etnolinguistik" (Giles et al. 1977), maka dapat mencabar bahasa kumpulan majoriti sebagai teras utama pembinaan negara bangsa. Gerakan bahasa Cina di Malaysia adalah contoh klasik untuk menunjukkan orang Cina sebagai kumpulan yang lebih kecil dan yang mempunyai vitaliti etnolinguistik daripada segi kekuatan numerikal itu telah menuntut agar bahasa Cina diberi peluang untuk memainkan peranan penting dalam proses pembinaan negara bangsa menerusi peruntukan dasar bahasa dan

pendidikan. Mereka menuntut agar bahasa Cina diiktiraf sebagai bahasa rasmi berdasarkan hak persamaan dan beberapa sebab lain yang bersifat praktikal. Matlamat orang Cina adalah untuk memastikan pendidikan Cina dapat terus berkembang dalam lingkungan sistem pendidikan kebangsaan. Namun, tuntutan ini dilihat kumpulan majoriti peribumi, iaitu orang Melayu, sebagai ancaman ke atas hak bahasa peribumi untuk memainkan peranan penting dalam proses pembinaan negara bangsa. Seperti yang selalu berlaku dalam masyarakat majmuk, bila dua kumpulan etnik itu didapati bercanggahan tuntutan dalam isu bahasa, ia akan menimbulkan perbalahan dan menjadi semakin kusut dengan sentimen etnik yang keterlaluan. Makalah ini cuba meninjau pergerakan bahasa Cina yang dilancarkan orang Cina dari tahun 1952 hingga 1967 dan juga menjelaskan tuntutan yang bercanggahan antara orang Cina dengan orang Melayu terhadap isu bahasa rasmi berdasarkan konteks pembinaan negara bangsa di Malaysia.

LATAR BELAKANG

Malaysia adalah masyarakat majmuk yang terdiri daripada tiga kumpulan etnik utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Orang Melayu adalah kumpulan peribumi, sementara orang Cina dan India pada asalnya adalah imigran yang berhijrah ke Tanah Melayu (Malaysia selepas 1963) secara beramai-ramai pada pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20. Kemasukan imigran itu sebahagian besarnya didorong peluang ekonomi yang diwujudkan kerajaan British di Tanah Melayu. Orang Cina secara utamanya terlibat dalam bidang perlombongan, sementara orang India terlibat dalam penerokaan tanah untuk tujuan penanaman getah secara besar-besaran. Di peringkat awal itu, mereka hanya imigran sementara; namun lama-kelamaan mereka menetap sehinggalah terbentuk masyarakat majmuk di Tanah Melayu. Pada tahun 1947, komposisi etnik di Tanah Melayu adalah orang Melayu 49.5 peratus, orang Cina 38.4 peratus, orang India dan Pakistan 10.8 peratus dan etnik-etnik lain 1.3 peratus. Sehingga kemerdekaan pada tahun 1957, komposisi etnik itu tidak banyak berubah, iaitu 49.8 peratus orang Melayu, 37.2 peratus orang Cina, 11.3 peratus orang India dan Pakistan dan 1.8 peratus etnik-etnik lain (Hirschman 1974:9). Walaupun orang Melayu adalah kumpulan etnik majoriti, orang bukan Melayu, terutamanya Cina, bukanlah pula kumpulan etnik yang terpinggir. Sebaliknya, mereka adalah kumpulan minoriti dengan bilangan penduduk yang ketara dan kekuatan numerikal ini telah memberi vitaliti etnolinguistik kepada orang Cina mengembangkan budaya dan bahasanya. Kekuatan numerikal itu salah satu pembolehubah demografi yang telah mempengaruhi vitaliti etnolinguistik suatu kumpulan etnik (Giles et. al. 1977:313).

Dengan didorong dasar Pecah dan Perintah, kerajaan British membenarkan sistem pendidikan vernakular yang berasingan itu berkembang di Tanah Melayu. Di bawah dasar itu, orang Cina telah menubuhkan sistem sekolah Cina yang utuh dan terdaya untuk mengembangkan budaya dan bahasanya. Namun,

sebagai persediaan dalam menghadapi proses dekolonisasi selepas Perang Dunia II, kerajaan British mula menggubal dasar pendidikan bagi menyusun semula sistem pendidikan di Tanah Melayu. Usaha kerajaan British untuk menubuhkan sekolah kebangsaan dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan teras pembinaan negara bangsa itu ditentang hebat pendidik Cina yang bernaung di bawah Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina (GPGSC atau Jiao Zong) dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina (PPLPSC atau Dong Zong). GPGSC telah ditubuhkan pada tahun 1951, manakala PPLPSC pada tahun 1954. Kedua-duanya telah memainkan peranan sebagai kumpulan pendesak untuk mempertahankan hak orang Cina dalam mengembangkan bahasa dan budayanya melalui peruntukan pendidikan bahasa ibunda Cina. Kedua-duanya dikenali dengan nama Dong Jiao Zong (Tan 1997).

Penubuhan sekolah kebangsaan pula telah didakwa pendidik Cina sebagai yang bersifat asimilatif, kerana bahasa Cina tidak diberi kedudukan sah dalam sekolah kebangsaan. Hal ini bertentangan dengan pendirian mereka yang merasakan proses pembinaan negara bangsa dalam masyarakat majmuk patut berdasarkan pendekatan kepelbagaian bahasa dan budaya, maka memberi peluang yang sama rata kepada perkembangan semua bahasa. Pada saat inilah mereka sedar bahawa masalah akar umbi yang dihadapi sekolah Cina di Tanah Melayu ialah bahasa Cina tidak mempunyai asas undang-undang untuk menjustifikasikan penggunaannya sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan. Hal ini menjadi sedemikian rupa kerana Perjanjian Tanah Melayu yang ditandatangani pada tahun 1948 itu hanya mengiktiraf bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu. Tuntutan untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi telah dibangkitkan buat pertama kalinya oleh pendidik Cina pada tahun 1952. Ia kemudiannya diterima GPGSC menjadi salah satu misi perjuangannya. Namun, tuntutan pendidik Cina itu tidak disenangi golongan nasionalis Melayu yang mendakwanya sebagai suatu cabaran kepada kedudukan unggul bahasa Melayu. Sejak tahun 1940, golongan nasionalis Melayu telah menuntut agar bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal, selaras dengan statusnya sebagai bahasa peribumi, lebih-lebih lagi selepas mereka berjaya menggagalkan penubuhan Malayan Union. Kejayaan ini telah menyemarakkan semangat nasionalisme di kalangan orang Melayu. Cadangan penubuhan Malayan Union oleh kerajaan British pada 1 April 1946 itu telah didakwa orang Melayu sebagai percubaan untuk menghakis kedaulatan raja-raja Melayu serta kedudukan dan hak istimewa orang Melayu sebagai kumpulan etnik peribumi di Tanah Melayu. Penentangan kuat mereka kepada cadangan penubuhan Malayan Union telah memaksa kerajaan British membatalkan cadangan itu, lalu digantikannya dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 yang mengekalkan kedaulatan raja-raja Melayu serta kedudukan dan hak istimewa orang Melayu (Mohamed Nordin 1976; Stockwell 1979). Golongan nasionalis Melayu sedar

akan betapa ketertinggalannya orang Melayu dari segi pendidikan, kerana kerajaan British hanya membenarkan mereka menerima pendidikan asas selama empat tahun. Dengan pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal, hal ini akan dapat meningkatkan nilai instrumental bahasa Melayu dan seterusnya meningkatkan mobiliti pendidikan orang Melayu. Yang lebih penting lagi ialah golongan nasionalis Melayu bertekad untuk menjadikan bahasa Melayu teras pembinaan negara bangsa. Namun, pendidik Cina tidak bersetuju dengan tuntutan golongan nasionalis Melayu itu kerana tuntutan mereka untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi mendapat sokongan yang cukup menggalakkan daripada masyarakat Cina serta pertubuhan dan persatuan Cina sehingga menjadi suatu gerakan bahasa. Di sepanjang tahun 1950-an dan 1960-an, gerakan bahasa Cina itu telah mencetuskan ketegangan hubungan kaum antara orang Cina dengan orang Melayu. Tuntutan untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi sudah bertambah rancak menjelang pengubalan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967.

TITIK PERMULAAN GERAKAN BAHASA CHINA

Pada tahun 1951, kerajaan British telah menggubal Laporan Barnes. Laporan ini mencadangkan penubuhan satu jenis sekolah rendah yang sama atau sekolah kebangsaan yang terbuka kepada pelajar daripada semua kaum. Cadangan ini didasari tujuan untuk memupuk kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu yang sama dengan menyusun semula sekolah berasingan yang sedia ada mengikut asas hubungan kaum yang baru (Federation of Malaya 1951:20). Pada hakikatnya, sekolah kebangsaan adalah sekolah dwibahasa yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serentak sebagai bahasa pengantar (Federation of Malaya 1951:22). Pendidik Cina berasa cemas dengan penubuhan sekolah kebangsaan yang mengancam kewujudan sekolah Cina dalam rangka sistem pendidikan kebangsaan seperti yang dicadangkan Jawatankuasa Barnes. Namun, penyusunan semula sistem pendidikan ini telah menjadi rumit dengan penerbitan Laporan Fenn-Wu sejurus selepas penerbitan Laporan Barnes. Laporan Fenn-Wu didapati memihak kepada pendidikan Cina dengan cuba mempertahankan sumbangan sekolah Cina kepada pemupukan kerakyatan Tanah Melayu dan juga kesedaran nasional yang boleh diterima masyarakat Cina (Wong & Ee 1971:54). Pada asasnya, Laporan Fenn-Wu menyokong kepelbagaian bahasa sebagai dasar bahasa yang mampu menyumbang ke arah pembinaan negara bangsa di Persekutuan Tanah Melayu.

Pandangan yang berbeza-beza seperti yang terkandung dalam dua laporan berkenaan itu telah meletakkan kerajaan British dalam kedudukan yang terhimpit. Jawatankuasa Pusat Penasihat Pendidikan (JPPP) telah diminta untuk meneliti kedu-dua laporan itu dan menyediakan laporan masing-masing. Laporan JPPP bersetuju dengan penubuhan sekolah kebangsaan yang diperakukan Laporan

Barnes. Laporan ini kemudian dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Pendidikan yang diketuai Peguam Negara. Jawatankuasa Khas ini diamanahkan dengan tugas untuk mengkanunkan kesemua aspek dasar pendidikan di Persekutuan Tanah Melayu. Ia menyokong penubuhan sekolah kebangsaan. Keputusan itu menyebabkan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina (PGSC) Melaka menuntut agar bahasa Cina diiktiraf sebagai bahasa rasmi. Ini adalah pertama kali tuntutan sedemikian itu telah dikemukakan pendidik Cina. Tuntutan itu terkandung dalam suatu kenyataan yang dikemukakan PGSC Melaka pada 25 Oktober 1952. PGSC Melaka mengemukakan tuntutan itu berdasarkan hakikat bahasa Cina adalah bahasa rasmi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia juga cuba menjustifikasikan tuntutannya berdasarkan alasan bahawa bahasa Cina telah meluas digunakan di negara ini. Akhirnya, ia mempertahankan konsep kewujudan dan kemakmuran bersama semua kaum di negara ini dan oleh itu, semua bahasa harus diberi hak sama rata tanpa meminggirkan mana-mana bahasa sebagai bahasa rasmi (Jiao Zong 33nian Bianjishi 1987:315). Namun, tuntutan pendidik Cina itu tidak dapat mengubah pendirian kerajaan British untuk menubuhkan sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Penubuhan sekolah kebangsaan kemudiannya diterima Ordinan Pelajaran 1952. Namun, tindakan berani di pihak PGSC Melaka untuk menuntut pengiktirafan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi itu telah menjadi pemangkin kepada gerakan bahasa Cina yang didukung gigih oleh pendidik Cina bagi tempoh melebihi satu dekad. Dalam proses ini, isu bahasa bertukar kepada isu etnik yang menegangkan hubungan antara orang Cina dengan orang Melayu.

ISU BAHASA DAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN 1955

Tuntutan untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi disokong secara “rasminya” oleh GPGSC bila Lim Lian Geok dilantik sebagai Pengerusinya pada 19 Disember 1953. Lim dikenali dengan “pendirian yang tegas dan perjuangan yang berani” (Yen 2008:252) dalam mempertahankan kedudukan pendidikan Cina berdasarkan kesamarataan dan keadilan sepanjang tempoh beliau menjadi Pengerusi GPGSC. Beliau percaya satu-satunya cara untuk mengesahkan kedudukan sekolah Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan ialah dengan mengiktiraf kedudukan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi. Kepercayaan ini berpunca daripada pertemuan beliau dengan Sir Donald Charles MacGillivray, Timbalan Pesuruhjaya, pada 8 November 1952. MacGillivray mengadakan pertemuan ini untuk memberi jaminan kepada pendidik Cina bahawa pihak kerajaan tidak berhasrat untuk menghapuskan sekolah Cina. Dalam pertemuan itu, Lim lebih berminat untuk mengetahui sebab-sebab orang Cina boleh diterima sebagai warga negara ini, tetapi sekolah Cina tidak diterima ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Beliau merujuk kepada cadangan British untuk

menubuhkan sekolah kebangsaan yang mengetepikan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Jawapan yang diberi MacGillivray ialah sekolah kebangsaan tidak boleh menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar kerana ia bukan bahasa rasmi. Jawapan ini menyedarkan Lim bahawa untuk mengesahkan kedudukan sekolah Cina dalam rangka sistem pendidikan kebangsaan, bahasa Cina mesti diiktiraf sebagai bahasa rasmi (Tan 1997:101).

Pengiktirafan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi menjadi tugas pertama Lim Lian Geok selaku Pengerusi GPGSC. Pada 8 Ogos 1954, GPGSC yang dipimpinya menuntut agar bahasa Cina diiktiraf sebagai bahasa rasmi. Beliau berpendirian bahawa pengiktirafan mana-mana bahasa sebagai bahasa rasmi sebuah negara hendaklah berasaskan penggunaan praktikal bahasa yang berkenaan dan tidak ada mana-mana negara di dunia ini telah menyisihkan bahasa yang digunakan secara meluas di kalangan rakyatnya sebagai bahasa rasmi. Selain penggunaan bahasa Cina secara meluas, ia seterusnya juga mengemukakan alasan bahawa bahasa Cina telah berkembang menjadi bahasa yang mempunyai nilai akademik dan budaya yang tersendiri. Bila tuntutan GPGSC untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi itu dilaporkan dalam massa media Cina, ia mendapat sokongan spontan daripada seluruh masyarakat Cina (Jiao Zong 33nian Bianjishi 1987:515).

Pada Ogos 1954, GPGSC mengambil peluang sempena lawatan Presiden Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Puan Vijayalakshmi Pandit, ke negara ini dengan mengemukakan memorandum kepada beliau. Memorandum itu, antara lain, menuntut agar bahasa Cina diiktiraf sebagai bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu. Sekali lagi, tuntutan ini dibuat berasaskan hakikat bahasa Cina telah digunakan secara meluas di Persekutuan Tanah Melayu dan tidak ada sebab ia tidak boleh diiktiraf sebagai bahasa rasmi (Lim 1998:24). Nampaknya, GPGSC cuba mendapatkan sokongan luar untuk memaksa kerajaan British memenuhi tuntutananya.

GPGSC juga menggesa Malayan Chinese Association (MCA) untuk memasukkan tuntutan untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi ke dalam agenda politiknya. MCA adalah parti politik berasaskan sokongan daripada orang Cina dan telah ditubuhkan pada tahun 1949. Ia juga salah sebuah parti politik dalam komponen Perikatan, suatu gabungan tiga buah parti yang mewakili kepentingan tiga kumpulan etnik utama di Persekutuan Tanah Melayu. United Malays National Organization (UMNO) dan Malayan Indian Congress (MIC) adalah dua buah lagi parti politik komponen Perikatan. Kedua-duanya telah ditubuhkan pada tahun yang sama, iaitu 1946. Sebelum ini, MCA yang diterajui Tan Cheng Lock telah berkerjasama dengan pendidik Cina melalui saluran Jawatankuasa Pusat Pendidikan Cina MCA (JPPCMCA) untuk menentang cadangan British dalam menubuhkan sistem sekolah kebangsaan bagi menggantikan sistem sekolah vernakular. Namun, Tan telah mengambil pendekatan yang berhati-hati ke atas tuntutan pendidik Cina untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi. Dalam mesyuarat JPPCMCA yang diadakan

pada 21 Ogos 1954, beliau memperingatkan pendidik Cina bahawa usaha mereka untuk mempertahankan pendidikan Cina tidak sepatutnya menjejaskan kepentingan keseluruhan negara dan kepentingan kumpulan etnik lain. Berdasarkan pendekatan yang berhati-hati itulah, maka tidak hairanlah MCA enggan menyokong tuntutan pendidik Cina untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi (Tay 2001:254-255).

Tuntutan pendidik Cina untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi ditangguhkan seketika menjelang Pilihan Raya Perundangan Persekutuan yang julung-julung kali diadakan pada 27 Julai 1955. Pilihan raya itu menjadi ujian getir kepada Perikatan terhadap kekuatan dan kesahihannya untuk membentuk kerajaan pascapenjajah yang pertama. Perikatan memang diharapkan pihak British untuk membentuk kerajaan transisi yang akan bertanggungjawab untuk mencapai kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu. Menyedari ancaman tuntutan pendidik Cina ke atas peluangnya untuk memenangi Pilihan Raya Perundangan Persekutuan, Perikatan telah mengadakan rundingan dengan mereka di Melaka pada 12 Januari 1955. Tan Cheng Lock yang menerajui MCA menjadi orang tengah dalam rundingan itu. Perikatan berjaya meyakinkan pendidik Cina untuk menggugurkan tuntutan mereka buat seketika dan berjanji akan meminda Ordinan Pelajaran 1952 dengan menggubal dasar pendidikan baru yang lebih adil kepada semua kumpulan etnik. Manifesto Perikatan juga mengisytiharkan secara khusus bahawa Perikatan akan membenarkan perkembangan sekolah vernakular dan tidak akan memusnahkan sekolah, bahasa atau mana-mana kaum yang bermastautin di negara ini (Heng 1998:203).

Dalam Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955, Perikatan menghadapi persaingan sengit daripada Parti Islam Se-Malaya (PMIP atau PAS) dan Parti Negara. Sekalipun Perikatan adalah gabungan tiga buah parti yang mempertahankan kepentingan tiga kumpulan etnik utama di Persekutuan Tanah Melayu, PAS dan Parti Negara pula adalah parti yang berasaskan sokongan daripada orang Melayu yang menjuarai kepentingan orang Melayu. Perikatan amat bimbang dengan kekuatan Parti Negara yang diterajui Dato' Onn Jaafar, nasionalis Melayu dan pengasas UMNO yang sebelum itu telah meninggalkan parti Perikatan akibat perbezaan pendapat dengan pemimpin lain terhadap tujuannya untuk membuka keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu agar UMNO dapat menjadi parti politik yang tidak berasaskan kepentingan kaum (Heng 1988:126-137; Mauzy 1983:14-5). Sejak awal tahun 1930-an, Dato' Onn sudah mempertahankan penggunaan bahasa Melayu untuk kegunaan rasmi. Pada Mac 1930, beliau menulis rencana pengarang kepada akhbar *Warta Malaya*, akhbar Melayu, dan mengecam kerajaan negeri Johor yang lebih mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran dan dalam mengeluarkan arahan rasmi (Ramlah 1998:232).

Menjelang Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955, Parti Negara memperhebatkan tuntutannya untuk mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pengiktirafan ini akan mengesahkan kedudukannya sebagai bahasa

rasmi yang tunggal di negara ini (Mohd Salleh Abbas 1992:19). Seawal Mac 1955, wakil parti yang berkenaan itu telah menjadikan persoalan bahasa kebangsaan sebagai topik perbahasan utama dalam Majlis Perundangan (Ratnam 1965:192). Wakilnya, Mohammed Rashid, telah mempertahankan tujuan untuk menjadi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Hujahnya diselubungi nasionalisme budaya Melayu:

Dengan penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di negara ini, masa hadapan Tanah Melayu sebagai negara yang merdeka bakal mendapat keuntungan daripada pertalian persanakan dengan Indonesia dan Kepulauan Melayu Timur, agar tidak nanti tercatat dalam sejarah sebagai kepulauan yang kaya dengan tradisi Melayu dan yang dihidupkan oleh bahasa Melayu tetapi dicerobohi orang asing.

Hujah berasaskan nasionalisme budaya ini mirip dengan konsep negara idaman atau Melayu Raya yang diperjuangkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) – parti Melayu radikal yang berhaluan kiri dan amat berpengaruh pada tahun 1930-an (Rustam 2008). Pandangan peribadi Dato' Onn terhadap bahasa kebangsaan itu ternyata telah juga dipengaruhi nasionalisme budaya Melayu. Antara sebab beliau menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan adalah persekitaran budaya di Tanah Melayu adalah sebahagian daripada budaya Kepulauan Melayu yang telah menjadi pusat budaya Melayu di rantau ini (Ramlah 2005:331). Berbeza dengan Parti Negara, UMNO mengambil pendekatan yang sederhana berhubung isu bahasa rasmi. Walaupun menyokong bahasa Melayu untuk dijadikan bahasa rasmi bila mencapai kemerdekaan, beliau juga membenarkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi untuk tempoh 10 tahun selepas kemerdekaan. Tindakan itu diambil untuk mengakomodasikan orang bukan Melayu yang tidak fasih dalam bahasa Melayu (Wan Mohd. Mahyddin & Nik Mustaffa Yusof 1997:246-247). Selain itu, UMNO juga memberi janji kepada orang bukan Melayu untuk menggubal perlembagaan bagi membuka ruang dengan secukupnya kepada perkembangan bahasa-bahasa lain (Ramlah 2005:331).

Parti Negara menentang keras tuntutan pendidik Cina untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi, biarpun pendidik Cina telah menanggukkan seketika tuntutan itu pada Januari 1955. Tuntutan itu menjadi sasaran utama dalam kempen pilihan raya Parti Negara. Dalam ceramah yang diadakan pada Julai 1955 di Alor Star, Dato' Onn mengingatkan orang Melayu bahawa orang bukan Melayu tidak akan menerima bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi seandainya bahasa mereka diberi status undang-undang sebagai bahasa rasmi (Ramlah 2005:331-332). Dalam ucapannya yang disiarkan melalui Radio Malaya pada 5 Julai, 1955, beliau menekankan Parti Negara menentang keras “kedudukan bahasa rasmi yang hangar bingar”, maka bahasa Melayu mesti dijadikan bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi kedua (Ratnam 1865:192). Parti Negara menuduh UMNO telah mengkhianati kepentingan orang

Melayu menerusi kerjasamanya dengan MCA. Hal ini disebabkan di bawah pucuk pimpinan Tan Cheng Lock, MCA telah bekerjasama rapat dengan pendidik Cina dalam mempertahankan kedudukan pendidikan Cina, terutamanya dalam menentang penubuhan sekolah kebangsaan, walaupun MCA tidak komited sepenuhnya dengan tuntutan pendidik Cina untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi. Biarpun ditentang hebat oleh Parti Negara, Perikatan tetap meraih mandat besar daripada penduduk di Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk kerajaan peralihan yang pertama. Ia mencapai kemenangan besar dengan memenangi 51 daripada keseluruhan 52 buah kerusi yang dipertandingkannya dengan meraih undi popular setinggi 80 peratus (Heng 1988:201). Presiden UMNO, Tunku Abdul Rahman, kemudiannya dilantik menjadi Ketua Menteri. Kabinet yang terdiri daripada ahli Perikatan juga telah dibentuk.

KEBANGKITAN SEMULA GERAKAN BAHASA CINA

Setelah memenangi Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955, Perikatan ditekan tuntutan daripada pendidik Cina untuk menunaikan janji yang telah dibuat sebelum pilihan raya. MCA ketika itu telah menjadi anggota kerajaan campuran, maka ia tidak dapat lagi menyokong tuntutan pendidik Cina tanpa mempertimbangkan tuntutan daripada kaum lain. Pendirian ini secocok dengan sistem politik Perikatan yang berteraskan “sistem akomodasi elit” (Means 1991:2), iaitu pemimpin politik Perikatan perlu mencapai konsensus dalam isu-isu yang mempunyai implikasi etnik dengan bertolak ansur. Dalam mesyuarat yang diadakan antara pendidik Cina dengan MCA pada 15 Oktober 1956, pendidik Cina mengulangi hasrat mereka untuk menuntut pengiktirafan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi. Namun, MCA tidak bersedia untuk menyokong tuntutan pendidik Cina ini (Jiao Zong 33nian Bianjishi 1987:516).

Perubahan pendirian MCA itu tidak pernah mematahkan semangat pendidik Cina untuk memperjuangkan isu bahasa rasmi. Sehubungan itu, dengan digubalnya Laporan Razak pada Mei 1956, pendidik Cina dihadapkan dengan isu pertukaran sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran kebangsaan ekoran daripada pelaksanaan dua jenis peperiksaan awam, iaitu Lower Certificate of Education (LCE) (untuk pelajar sekolah menengah Tingkatan Tiga) dan Federation of Malaya Certificate of Education (FMCE) (untuk pelajar sekolah menengah Tingkatan Lima). Walaupun Laporan Razak tidak menetapkan bahasa pengantar dalam peperiksaan itu, adalah munasabah peperiksaan itu dijalankan dalam bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Tidak sampai seminggu selepas Laporan Razak digubal, Jabatan Pelajaran memaklumkan kepada semua sekolah menengah Cina menerusi surat pekeliling bahawa peperiksaan LCE yang dijadualkan pada November 1956 akan dijalankan dalam bahasa Inggeris. Pendidik Cina telah terperangkap dengan makluman yang tidak terduga itu. Mereka menuduh kerajaan cuba menukar aliran

sekolah menengah Cina melalui peruntukan peperiksaan awam yang dijalankan dalam bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu. Tuduhan itu bukanlah suatu yang tidak berasas, kerana untuk membolehkan pelajar sekolah menengah Cina menduduki peperiksaan LCE, sekolah menengah Cina perlu menukar bahasa pengantarnya kepada bahasa Inggeris. Hal ini pasti akan mengancam kedudukan sekolah menengah Cina.

Nampaknya, Laporan Razak hanya berhasrat untuk mengadakan sistem pendidikan menengah yang seragam di Persekutuan Tanah Melayu. Status sekolah menengah Cina tidak ditetapkan dengan jelas dalam Laporan Razak. Walaupun penggubalan Laporan Razak itu adalah untuk memenuhi janji Perikatan untuk menggubal semula dasar pendidikan selepas Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955, ia tidak dapat memuaskan hati pendidik Cina dengan sepenuhnya. Dalam penggubalan dasar pendidikan yang baru itu, Jawatankuasa Razak “perlu mengimbangi satu set faktor yang kompleks dalam penggubalan semula dasar pendidikan” (Tan 1977:166). Ia perlu mencari penyelesaiannya berdasarkan pendekatan bertolak ansur. Untuk berkompromi dengan orang Cina, ia mengiktiraf sekolah rendah Cina sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan dengan syarat sekolah rendah Cina mengajar isi kandungan kurikulum yang sama seperti sekolah rendah yang lain dalam mendorong proses pembudayaan. Tujuan untuk mewujudkan jenis sekolah rendah yang sama seperti yang diperakukan Ordinan Pelajaran 1952 itu telah digugurkan. Namun, status sekolah menengah Cina diselubungi kesamaran. Nampaknya, ada rancangan jangka masa panjang untuk menukar sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah Cina aliran kebangsaan. Hal itu jelas dinyatakan dalam perenggan 70 Laporan Razak yang berbunyi: “tujuan [pendidikan menengah] hendaklah membentuk satu jenis Sekolah Menengah Kebangsaan dengan semua pelajarinya akan menduduki peperiksaan akhir yang sama” (Federation of Malaya 1956:12). Sehubungan itu, tindakan yang diambil Jabatan Pelajaran untuk menjalankan peperiksaan LCE dalam bahasa Inggeris adalah selaras dengan tujuan ini.

Sebelum Laporan Razak digubal, kerajaan British telah cuba menggunakan peperiksaan awam yang dijalankan dalam bahasa Inggeris sebagai cara untuk menukar sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran kebangsaan. Dasar ini telah berjaya menukar beberapa buah sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran Inggeris; antaranya Sekolah Menengah Chung Ling, sekolah menengah Cina yang ternama di Pulau Pinang. Sekolah menengah Cina ini diberi bantuan kewangan tambahan oleh British dengan syarat ia perlu mempersiapkan pelajarinya untuk menduduki peperiksaan LCE dan Senior Cambridge (SC) (untuk Tingkatan Lima sekolah menengah) yang dijalankan dalam bahasa Inggeris. Pertukaran sekolah menengah Cina ini kepada sekolah menengah aliran Inggeris telah mencetuskan bantahan dan tunjuk perasaan di kalangan pelajar dan gurunya yang kluatir pertukaran aliran ini akan menjejaskan perkembangan pendidikan Cina. Pertukaran aliran ini juga ditentang hebat oleh

pendidik Cina yang sebelum ini telah merayu kepada sekolah itu agar berdikari dan tidak memohon bantuan kewangan tambahan daripada kerajaan British (Jiao Zong Jiaoyu Yanjiu Zhongxin 1986; Tan 1989). Oleh itu, tidaklah hairan bila Jabatan Pelajaran memutuskan untuk menjalankan peperiksaan LCE dalam bahasa Inggeris ekoran penggubalan Laporan Razak, pendidik Cina telah membantah dan menuntut bahawa seandainya peperiksaan awam dijalankan dalam bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu, maka bahasa Cina mesti diiktiraf sebagai bahasa rasmi. Namun, kerajaan Perikatan tidak mahu menerima tuntutan itu dengan alasan bahawa peperiksaan awam adalah sebahagian daripada dasar pendidikan, maka mesti dijalankan dalam bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu (Tan 1984:297).

Percubaan kerajaan Perikatan untuk menukar sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran kebangsaan pada asasnya adalah untuk mendukung perakuan Jawatankuasa Razak untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama secara beransur-ansur dalam sistem pendidikan kebangsaan. Perakuan ini dianggap Jawatankuasa Razak sebagai matlamat akhir dasar pendidikan (Federation of Malaya 1956:3). Usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama telah didukung hasrat Jawatankuasa Razak untuk memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan negara. Tujuan itu telah mendasari pertukaran sekolah menengah Cina kepada sekolah menengah aliran Inggeris. Pertukaran kepada bahasa Inggeris itu adalah langkah sementara. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Perikatan hanya membenarkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi untuk tempoh sepuluh tahun selepas kemerdekaan sebelum bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Hal ini bermakna sekolah yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar perlu bertukar ke bahasa pengantar Melayu. Di pihak yang lain, usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama juga bertujuan untuk menangani masalah keterbatasan mobiliti pendidikan di kalangan orang Melayu menerusi penubuhan sekolah menengah aliran Melayu. Tetapi, tindakan Jawatankuasa Razak untuk tidak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dengan kadar yang segera itu tidak diterima dengan baik oleh guru Melayu yang tidak berpuas hati dengan masalah keterbatasan mobiliti pendidikan di kalangan orang Melayu pada peringkat menengah (Ramanathan 1985; Roff 1967). Selain untuk menenangkan orang bukan Melayu (Tan 1997:179), pelaksanaan bahasa Melayu secara beransur-ansur sebagai bahasa pengantar utama juga itu disebabkan kekurangan guru yang mahir dalam bahasa Melayu (Roff 1967). Selain itu, pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dengan kadar yang segera telah bercanggah dengan janji Perikatan untuk membenarkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi untuk tempoh sepuluh tahun selepas merdeka. Namun, kepada golongan nasionalis Melayu, kerajaan cuba melengah-lengahkan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Mereka menuduh kerajaan tidak mempunyai keazaman kuat dalam menangani isu bahasa.

Penyediaan draf Perlembagaan untuk Persekutuan Tanah Melayu yang bakal mencapai kemerdekaannya oleh Suruhanjaya Reid itu adalah titik genting kepada pendidik Cina untuk mempertahankan tuntutan mereka untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi. Suruhanjaya Reid itu telah dilantik kerajaan British untuk membuat cadangan ke atas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Suruhanjaya itu telah memulakan kerjanya dengan membuat lawatan ke Persekutuan Tanah Melayu pada Mei 1956 (Ong 2000:224). Pada 29 Ogos 1956, sekumpulan pendidik Cina telah bertemu dengan Suruhanjaya ini untuk mengemukakan tuntutan mereka berhubung isu bahasa rasmi. Mereka menggesa Suruhanjaya itu mengiktiraf ketiga-tiga bahasa utama, iaitu bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa rasmi di Persekutuan Tanah Melayu. Mereka cuba meyakinkan Suruhanjaya itu bahawa adalah mustahil bagi kaum Cina dan India mendukung proses pembinaan negara bangsa seandainya bahasa dan budaya masing-masing itu tidak dijamin tempatnya dalam Perlembagaan. Hal ini akan menimbulkan masalah lain yang akan merumitkan lagi proses pembinaan negara bangsa. Mereka menuntut agar bahasa rasmi dipilih daripada bahasa yang digunakan secara meluas di kalangan penduduk (Jiao Zong 33nian Bianjishi 1987:516). Namun, mereka hampa kerana Suruhanjaya Reid tidak menerima tuntutan itu. Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan hanya menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan menetapkan semua urusan rasmi hendaklah dikendalikan dalam bahasa Melayu, walaupun penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi hanya dibenarkan untuk tempoh sepuluh tahun selepas kemerdekaan. Hasilnya, pendidik Cina gagal dalam percubaan mereka menuntut pengiktirafan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi. Tetapi, Perlembagaan Persekutuan tidak melarang pembelajaran dan pengajaran bahasa Cina.

Meskipun berdepan dengan pelbagai rintangan, pendidik Cina tetap tidak berputus asa. Sementara itu, telah timbul keinginan baru di pihak MCA untuk bekerjasama dengan pendidik Cina setelah berlakunya perubahan dalam pucuk pimpinannya. Pada tahun 1958, dengan sokongan kuat daripada pemimpin barisan muda yang radikal, Dr Lim Chong Eu berjaya merampas pucuk pimpinan MCA daripada Tan Cheng Lock. Sebagai pemimpin baru MCA yang bertekad untuk mendapatkan sokongan daripada orang Cina untuk mengukuhkan kedudukan politiknya, beliau memutuskan untuk menjalin hubungannya dengan pendidik Cina. Kedudukannya dalam parti tidaklah sebegitu kukuh seperti yang dikehendakinya. Hal ini sedemikian adalah disebabkan beliau hanya mampu menguasai pucuk pimpinan pusat, tetapi bukannya cawangan MCA yang masih dikuasai pemimpin lama (Cheah 1988:92). Pada 20 November 1958, beliau telah menghadiri persidangan yang dianjurkan pendidik Cina di Ipoh, Perak. Dalam persidangan itu, beliau menekankan perlunya diwujudkan sistem pendidikan yang dapat membenarkan perkembangan pendidikan bahasa ibunda semua kaum. Pendidik Cina menggunakan kesempatan itu untuk menguji kepimpinan baru MCA untuk meluluskan resolusi mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi.

Dr. Lim sedar adalah tidak munasabah untuk memperjuangkan isu yang bercanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebaliknya, beliau dengan cekapnya telah meminda resolusi itu menjadi tuntutan bersyarat yang berbunyi: Seandainya kerajaan tetap dengan keputusan bahawa bahasa rasmi sahaja yang boleh digunakan sebagai bahasa pengantar dalam peperiksaan awam, kerajaan perlu juga mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi. Beliau berpendapat tuntutan bersyarat ini lebih mudah diperkukuhkan dengan hujah pendidikan berbanding dengan tuntutan bahasa rasmi yang diperjuangkan pendidik Cina (Tan 1997:256-257). Selain itu, isu bahasa pengantar peperiksaan awam seperti itu pernah juga dibangkitkan pendidik Can dan beliau hanya mengulangi isu itu. Tuntutan bersyarat untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi yang dikemukakan itu telah diterima Persidangan Ipoh pada akhirnya. Tetapi, akhbar Melayu dan pemimpin UMNO berasa kurang senang hati dengan tindakan Dr. Lim bersubhat dengan pendidik Cina. Rencana pengarang akhbar Melayu, *Utusan Melayu*, melahirkan perasaan kesal bahawa isu bahasa rasmi masih diungkitkan, sekalipun status bahasa rasmi telah dimaktubkan dalam Perlembagaan. Rencana pengarang itu menuduh pendidik Cina telah memperalatkan MCA untuk mengenakan tekanan ke atas kerajaan (Tan 1997:258).

Persubahatan antara Dr. Lim dengan pendidik Cina itu menjadi faktor yang menyebabkan hubungan antara MCA dengan UMNO merenggang. UMNO menuduh MCA telah membuat tuntutan secara terbuka berhubungan isu pendidikan Cina, padahal ia sepatutnya menyelesaikan isu itu dengan berunding dalam parti mengikut tatacara Perikatan. Hubungan antara MCA dengan UMNO semakin merenggang ekoran tuntutan Dr. Lim agar MCA diperuntukkan kerusi tambahan dalam Pilihan Raya Umum 1959. Tuntutan itu dituju kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, dalam sepucuk surat peribadi yang ditulis Lim. Tetapi, sebelum Tunku sempat mengambil tindakan ke atas tuntutan itu, isi kandungan surat itu sudah bocor secara sengaja kepada akhbar dengan tujuan untuk mengenakan tekanan ke atas Tunku agar bersetuju dengan tuntutan itu. Tunku dan pemimpin UMNO berasa gusar dengan tindakan itu dan menuduh MCA telah mengkhianati Perikatan. Tunku mengugut MCA bahawa UMNO akan bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1959 tanpa penyertaan MCA. Memandangkan isu itu menemui jalan buntu, Dr. Lim tidak ada pilihan lain daripada meletakkan jawatannya dalam MCA. Pucuk pimpinan MCA kemudiannya diambil alih oleh Tan Siew Sin yang menjauhkan dirinya daripada pendidik Cina. Gerakan bahasa Cina telah menerima tamparan hebat bila kerajaan mengambil tindakan ke atas Pengerusi GPGSC, Lim Lian Geok, atas bantahannya yang keras ke atas dasar pendidikan. Kerajaan telah membatalkan permit perguruan dan kerakyatan Lim pada tahun 1961. Beliau kemudiannya telah meletakkan jawatannya sebagai Pengerusi GPGSC.

KEMUNCAK GERAKAN BAHASA CINA

Menjelang penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967, pendidik Cina mengambil peluang untuk menghidupkan semula tuntutannya agar bahasa Cina diiktiraf sebagai bahasa rasmi, walaupun penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan itu bertujuan untuk mengkaji semula status bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi selepas tempoh sepuluh tahun mencapai kemerdekaan. Pada 7 Julai 1965, pendidik Cina yang diketuai Sim Mow Yu, yang menggantikan Lim Lian Geok sebagai Pengerusi GPGSC, telah mendapat sokongan daripada pertubuhan dan persatuan Cina untuk menganjurkan konvensyen menuntut pengiktirafan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi (Jiao Zong 33nian Bianjishi 1987:517-518). Tindakan Sim ini mencemaskan MCA kerana Sim juga adalah Timbalan Ketua Pemuda MCA. Pemuda MCA telah memberi sokongan secara terbuka kepada tindakan Sim. Pada 3 Ogos 1965, Jawatankuasa Kerja Pusat (JKP) MCA telah mengadakan mesyuarat tergempar untuk membincangkan hasrat Sim menghidupkan semula isu bahasa rasmi. JKP telah mencapai kata sepakat bahawa apa juga bentuk tuntutan yang berbau perkauman akan menjejaskan kepentingan masyarakat majmuk. Sebaliknya, beliau mencadangkan ditubuhkan jawatankuasa khas oleh Perikatan untuk menangani isu bahasa rasmi (Cheah 1984:130).

Sementara itu, kerajaan juga risau dengan konvensyen yang akan dianjurkan Sim itu mungkin akan mencetuskan ketegangan kaum yang tidak diingini. Hal ini disebabkan golongan nasionalis Melayu yang bergabung dengan Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan (BBBK) amat tidak berpuas hati dengan pelaksanaan dasar bahasa, maka telah mempergiatkan tuntutan mereka agar bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi yang tunggal menjelang penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan. Sehubungan itu, Sim telah dipanggil untuk berjumpa dengan Menteri Pelajaran dan Menteri Dalam Negeri yang menasihatinya agar membatalkan konvensyen itu. Namun, beliau bertegas untuk meneruskannya dengan memberi jaminan yang konvensyen itu akan berjalan dalam keadaan aman dan tidak akan menggugat kepentingan orang Melayu (Jiao Zong 33nian Bianjishi 1987:515).

Pada 7 Ogos 1965, jawatankuasa penganjur konvensyen bertemu buat pertama kali. Jawatankuasa Kerja Sementara Perwakilan Pertubuhan dan Persatuan Cina itu telah ditubuhkan khas untuk mengurus konvensyen itu. Sim memberi jaminan kepada kerajaan Perikatan bahawa konvensyen itu tidak akan membuat tuntutan yang tidak berasas yang akan menjejaskan kedudukan unggul bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Konvensyen itu hanya akan menuntut agar kerajaan membenarkan penggunaan bahasa Cina dengan lebih meluas dalam urusan rasmi demi kepentingan orang Cina yang tidak fasih dalam bahasa Melayu memahami arahan rasmi kerajaan (Loot 1996:44-45).

Kedudukan MCA semakin tertekan bila konvensyen itu menuntut agar bahasa Cina diiktiraf sebagai bahasa rasmi telah mendapat sokongan meluas daripada masyarakat Cina. Menyedari penentangan yang berterusan ke atas gerakan bahasa Cina itu akan menyebabkan kehilangan sokongan orang Cina, MCA telah berjanji

akan menuntut penggunaan bahasa Cina untuk urusan rasmi. Walaupun tuntutan ini jauh berbeza daripada tuntutan untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi, Sim berpuas hati dengannya kerana ia menandakan perubahan ketara pada pendirian MCA mengenai isu bahasa rasmi. Tetapi, perkembangan selanjutnya menunjukkan MCA telah tidak menepati janjinya. Pada 24 September 1965, mesyuarat jawatankuasa khas yang ditubuhkan Perikatan untuk menangani isu bahasa rasmi telah mencapai keputusan bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal dan penggunaan bahasa lain dibenarkan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan (Cheah 1984:130). Pendirian Perikatan itu kemudiannya dipertahankan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, semasa berucap dalam majlis anjuran Pertubuhan Amatur Drama Cina di Ipoh. Sebelum ini, pertubuhan ini telah memberi sumbangan sebanyak \$10,000 kepada Yayasan Patriotik Kebangsaan. Dalam ucapannya, Tunku berkata “kita perlu bersetuju bahawa kita perlu ada satu bahasa sebagai bahasa rasmi; jika tidak, negara ini akan sentiasa berpecah belah”. Tambah beliau, “tidak pernah ada percubaan untuk menyekat peluang sesiapa juga yang ingin mempertahankan kepentingan bahasa dan budaya kerana dalam kepelbagaian kita cuba mencapai perpaduan” (Enloe 1970:95).

Menyedari kerajaan Perikatan keberatan untuk memenuhi tuntutannya, Jawatankuasa Kerja Sementara Perwakilan Pertubuhan dan Persatuan Cina telah menanggukuhkan penganjuran konvensyen untuk menuntut bahasa Cina diiktiraf sebagai bahasa rasmi. Sebaliknya, ia memutuskan untuk mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri. Memorandum itu telah ditandatangani 1,021 perwakilan pertubuhan dan persatuan Cina di Malaysia. Penyerahan memorandum itu pada 11 April 1965 itu menjadi kemuncak gerakan bahasa Cina. Memorandum itu mengandungi pelbagai isu berhubungan tuntutan orang Cina untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi. Antaranya, ia menegaskan:

...tuntutan untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi telah dibuat menurut perlembagaan dan secara aman, dan tidak akan menyebabkan pertelingkahan kaum. Tidak dinafikan bahawa isu bahasa adalah masalah sensitif, namun ia tidak akan menyebabkan rusuhan kaum sepertimana yang didakwa sesetengah ahli politik yang berniat jahat. Kita memerlukan sedikit kesabaran, keikhlasan dan bersikap terbuka serta mengutamakan kepentingan negara, dan dengan ini, semua [isu] akan dapat diselesaikan secara mesra (*Protem Working Committee of Representatives of Chinese Associations and Guilds of Malaysia, 1965*).

Namun, pihak Perikatan tidak memberi apa-apa respons ke atas memorandum itu, sekalipun Sim telah berusaha untuk mengadakan pertemuan dengan Tunku (Tay 2003:134). Ternyata bahawa kerajaan Perikatan telah menolak memorandum itu. Penolakannya memaksa Sim mengambil sikap yang bersifat lebih bertolak ansur berhubungan isu bahasa rasmi. Beliau sanggup menerima pengiktirafan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi kedua atau bahasa rasmi tambahan jika tuntutan asalnya untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi itu ditolak. Beliau rela bertolak ansur lagi dengan menerima bahasa Cina sebagai bahasa untuk kegunaan rasmi sekiranya tuntutan untuk mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa

rasmi kedua atau bahasa rasmi tambahan tidak menjadi kenyataan (Loot 1996:15). Oleh itu, beliau amat kecewa kerana semua usahanya tidak mendatangkan impak yang diharapkan ke atas penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan. Bahasa Cina tidak diiktiraf. Namun, penglibatan Sim dalam gerakan bahasa Cina telah membawa padah kepada kedudukannya dalam MCA. Beliau telah dipecat daripada MCA pada 18 Oktober 1966 kerana MCA tidak mahu disabitkan dengan peranan utama yang dimainkannya dalam gerakan bahasa Cina (Tan 1997:228).

BARISAN BERTINDAK BAHASA KEBANGSAAN

Penubuhan BBBK pada Julai 1964 oleh golongan nasionalis Melayu adalah responsnya ke atas gerakan bahasa Cina yang didakwa mereka sebagai yang telah mencabar kedudukan unggul bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Ia juga adalah respons kepada pendirian kerajaan yang tidak tegas dalam menangani isu bahasa (Funston 1980:65). BBBK merangkumi ahli UMNO yang bekerjasama rapat dengan PAS serta aktivis pelajar Melayu (Mauzy 1983:34). Ia menjadi kuasa penggerak utama nasionalisme linguistik orang Melayu sepanjang tahun 1960-an. Ia dipimpin Syed Nasir Syed Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dari Jun 1957 hingga Disember 1968. DBP telah ditubuhkan pada tahun 1956 untuk membuat perancangan korpus bahasa dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dengan lebih meluas, selain membangunkan kesusasteraan Melayu. Pada tahun 1960, Syed Nasir melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan dengan lebih meluas. Kejayaan Bulan Bahasa Kebangsaan telah mendorong kerajaan Perikatan mengumumkan bahasa Melayu mungkin akan dijadikan bahasa rasmi yang tunggal lebih awal daripada yang dijangkakan (Funston 1980:64).

Syed Nasir menentang keras gerakan bahasa Cina. Beliau mendakwa gerakan itu mencabar usaha BBBK untuk mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Pada November 1964, beliau terkilan dengan tindakan pendidik Cina yang menuntut bahasanya diberi status setara dengan bahasa Melayu (Jiao Zong Jiaoyu Yanjiu Zhongxin 1984:57). Dalam ucapannya pada 12 September 1966 di Pontian, Johor, beliau menuduh tuntutan pendidik Cina supaya kerajaan mengiktiraf bahasa Cina sebagai bahasa rasmi itu bersifat perkauman. Beliau menegaskan orang Melayu tidak akan sekali-kali menerima tuntutan itu dan seterusnya menegaskan isu bahasa rasmi adalah isu yang membabitkan kepentingan negara, maka tidak sewajarnya dipolitikkan mana-mana pihak (Loot 1996:51-52). Pada tahun 1965, BBBK meluluskan beberapa resolusi dalam Perhimpunan Kebangsaannya. Antaranya memohon kerajaan agar menetapkan dengan jelas dalam Perlembagaan bahawa bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal adalah bahasa Melayu. Namun, resolusi BBBK itu tidak disenangi Tunku Abdul Rahman. Walaupun pada awalnya Tunku menyokong perjuangan BBBK, beliau kemudiannya mengubah pendiriannya, lalu telah menjauhkan

dirinya daripada BBBK. Selain itu, beliau menggelarkan pemimpin BBBK itu pelampau yang cuba menggunakan isu bahasa untuk merampas kuasa daripada kerajaan. Tunku memang sedar BBBK bekerjasama dengan PAS, musuh ketat UMNO, dan kerjasama itu telah menjejaskan kepentingan politik UMNO (Funston 1980:65). Syed Nasir juga dilihat sebagai orang yang mempunyai cita-cita politik dan senantiasa berusaha untuk membentuk kuasa politiknya dalam UMNO dengan mengeksploitasi isu bahasa (von Vorys 1975:201). Selain itu, keputusan Tunku tidak menyokong BBBK juga disebabkan hakikat bahawa isu bahasa rasmi telah menjadi baji perbalahan antara kaum akibat tindakan pendidik Cina yang diketuai Sim Mow Yu dalam menghidupkan kembali gerakan bahasa Cina. Jelas sekali, Tunku tidak mahu dirinya terperangkap dalam isu bahasa rasmi demi mengekalkan statusnya sebagai pemimpin yang bersifat suprakomunal dalam mempertahankan kepentingan semua kaum.

Penolakan pucuk pimpinan UMNO ke atas perjuangan BBBK itu tidak mematahkan semangat Syed Nasir untuk mengorak langkahnya dalam memastikan bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi yang tunggal. Pada Oktober 1966, beliau menjadikan MCA sebagai sasaran kecamannya. Hal ini disebabkan MCA pernah menuntut penggunaan bahasa Cina yang lebih meluas dalam urusan rasmi, meskipun beliau kemudiannya menggugurkan tuntutan ini. Beliau mempersoalkan papan tanda yang ditulis dalam bahasa Cina di luar pejabat Bernard Lu, Setiausaha Politik Presiden MCA, Tan Siew Sin. Beliau meluahkan perasan tidak puas hatinya ke atas alasan papan tanda yang ditulis dalam bahasa lain itu adalah terjemahan bahasa kebangsaan untuk membantu mereka yang tidak fasih dalam bahasa kebangsaan. Dua minggu selepas kecaman terbuka kepada MCA, Syed Nasir mengambil tindakan yang berani dengan menghantar memorandum sulit kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan juga semua menteri kabinet, Menteri Besar dan ahli Majlis Eksekutif UMNO untuk mengingatkan mereka agar mempertahankan bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan dengan kesannya yang negatif dalam membenarkan penggunaan bahasa Cina secara liberal dalam tujuan rasmi (von Vorys 1975:203). Beliau menegaskan tidak ada kompromi dalam isu bahasa rasmi dan mempertahankan pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang dianggapnya sebagai pilihan yang munasabah dan berdasarkan hak bahasa itu. Beliau membidas orang Cina yang membuat tuntutan melampau berhubung isu bahasa rasmi dan mempersoalkan tujuan sebenarnya membuat tuntutan sebegitu. Beliau mengecam orang Cina kerana masih tidak berpuas hati, walaupun kedudukan mereka sudah selesai di negara ini:

Kedudukan orang Cina di negara ini amat selesai. Mereka dibenarkan menjalankan perniagaan tanpa sekatan; mereka dibenarkan memiliki harta yang begitu banyak; mereka kaya, mereka menguasai ekonomi negara tanpa gangguan. Kehidupan mereka di negara ini sangat mewah berbanding orang Cina di negara lain. Apa lagi yang mereka mahu daripada orang Melayu? (von Vory 1975:204).

Memorandum yang dikemukakan Syed Nasir itu mendapat sokongan yang menggalakkan daripada golongan orang muda yang radikal dalam UMNO, seperti Dr. Mahathir Mohamad, Dato' Harun Haji Idris dan Abdul Rahman Ya'kub. Kebanyakan ahli UMNO juga menyokong teras utama memorandum ini, iaitu bahasa Melayu mesti menjadi bahasa kebangsaan tunggal tanpa perlunya memberi konsensi kepada masyarakat lain, kerana hal ini secocok dengan perlembagaan dan bersifat adil. Namun, mereka mempersoalkan kesesuaian masa dan kepentingan motif persendirian Syed Nasir dalam mengutuskan memorandum ini dan membiarkan pimpinan pusat UMNO untuk membuat keputusan ke atas isu bahasa rasmi (von Vorys 1975:205).

Dalam usaha menyelesaikan isu bahasa rasmi, Tunku amat bimbang akan kedudukan MCA yang tertekan memandangkan ia menghadapi masalah menangani gerakan bahasa Cina. Oleh itu, Tunku tidak mahu isu pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal itu dilihat sebagai kemenangan kepada orang Melayu dengan MCA menghadapi tuduhan telah menggadaikan kepentingan orang Cina kepada orang Melayu (von Vorys, 1975:205). Tunku kemudiannya cuba merayu kepada orang Cina agar berpendirian rasional dalam menangani isu bahasa rasmi. Pada Oktober 1966, semasa berucap di Sekolah Penang Free, beliau berjanji kepada orang bukan Melayu bahawa sekiranya mereka berpendirian munasabah dalam isu bahasa rasmi, kerajaan mungkin akan membenarkan penggunaan bahasa lain secara liberal dalam urusan rasmi. Penggunaan secara liberal ini lebih merujuk kepada penggunaan bahasa Inggeris dan bukan bahasa Cina atau bahasa Tamil. Beliau berpendirian bahawa penggunaan bahasa Inggeris berterusan itu amat penting untuk menjamin mutu pendidikan yang tinggi dan keberkesanan urusan pentadbiran (Funston 1980:66). Pendirian ini menjadikan prinsip yang mendasari penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan, meskipun dibantah golongan nasionalis Melayu. Seterusnya, tanpa sokongan MCA, gerakan bahasa Cina gagal meraih kejayaan. Akta Bahasa Kebangsaan yang diluluskan Parlimen pada 3 Mac 1967 telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal, tetapi membenarkan bahasa Inggeris digunakan terus untuk urusan rasmi. Fasal 4 Akta menetapkan bahawa Yang Di-Pertuan Agong boleh memperkenankan penggunaan bahasa Inggeris untuk urusan rasmi jika penggunaan ini diperlukan. Akta ini juga mendukung fasal 152 dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung penggunaan bahasa lain (Haris 1983:298-300). Jelas sekali bahawa penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan tidak dapat memuaskan hati golongan nasionalis Melayu dan pendidik Cina. Golongan nasionalis Melayu kecewa kerana Akta ini tidak memenuhi ketetapan Perlembagaan Persekutuan berhubung penggunaan bahasa Inggeris untuk urusan rasmi. Sesiri tunjuk perasaan telah dilancarkan BBBK di ibu negara, Kuala Lumpur, untuk mengutuk Akta ini (Haris 1983:185). Sementara itu, pendidik Cina juga kecewa kerana bahasa Cina tidak diiktiraf sebagai bahasa rasmi, biarpun mereka telah berusaha tanpa penat lelah selama lebih satu dekad untuk mencapai impian mereka.

KESIMPULAN

Gerakan bahasa Cina yang dilancarkan pendidik Cina dari tahun 1952 hingga tahun 1967 itu telah membabitkan usaha mempertahankan kepentingan pendidikan Cina menerusi pengiktirafan bahasa ibundanya sebagai bahasa rasmi. Dalam tempoh itu, pendidikan China berdepan dengan dua bentuk ancaman: penubuhan sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan penguatkuasaan bahasa rasmi sebagai bahasa pengantar untuk peperiksaan awam. Gerakan bahasa Cina pula didasari tuntutan pendidik Cina untuk mendapatkan kedudukan sah bagi bahasa ibundanya berdasarkan hak asasi dan juga alasan yang praktikal. Namun, tuntutan sedemikian telah ditafsirkan orang Melayu sebagai cabaran terbuka kepada bahasa Melayu. Mereka berpendirian tegas bahawa sebagai bahasa peribumi, bahasa Melayu mempunyai haknya yang tersendiri untuk diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal. Kerajaan Perikatan secara amnya dan UMNO dan MCA secara khususnya berada dalam keadaan yang tertekan untuk memenuhi tuntutan yang bertentangan daripada pendidik Cina dan golongan nasionalis Melayu dalam isu bahasa rasmi yang telah menimbulkan perbalahan dan diselubungi sentimen perkauman. Akhirnya, pengubalan Akta Bahasa Kebangsaan telah mengetepikan tuntutan pendidik Cina. Kerajaan berpendirian Perlembagaan Persekutuan sudah memberi jaminan yang cukup kepada bahasa Cina. Di pihak lain, walaupun golongan nasionalis Melayu telah mencapai tujuan perjuangannya untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal di negara ini, namun mereka amat kecewa dengan keputusan kerajaan untuk mengekalkan penggunaan bahasa Inggeris dalam urusan rasmi. Walaupun keputusan itu telah dibuat berdasarkan alasan yang praktikal, tetapi ia telah bercanggah dengan aspirasi golongan nasionalis Melayu.

RUJUKAN

- Cheah See Kian. 1984. *Malaixiya Huaren Zhengzhi Sichao Yanbian* (Perubahan Pemikiran Politik Orang Cina di Malaysia). Penang: S. K. Cheah.
- _____. 1988. *Lin Congyu Pingzhuan* (Biografi Lim Chong Eu). Penang: Island Publications.
- Enloe, C. H. 1970. *Multi-ethnic Politics: The Case of Malaysia*. Research Monograph Series. Berkeley, California: Center for South and Southeast Asian Studies, University of California.
- Federation of Malaya. 1951. *Report of the Committee on Malay Education*. Kuala Lumpur: Government Press.
- _____. 1956. *Report of the Education Committee 1956*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Funston, J. 1980. *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO & PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann.

- Giles, H., R. Y. Bourhis & D. M. Taylor. 1977. Towards a Theory of Language in Ethnic Group Relations. In H. Giles (ed.), *Language, Ethnicity and Intergroup Relations*. London: Academic Press, 307-348.
- Haris bin Md. Jadi. 1983. *Ethnicity, Politics and Education: A Study in the Development of Malayan Education and its Policy Implementation Process*. Tesis Ph.D., University of Keele.
- Heng Pek Koon. 1988. *Chinese Politics in Malaysia: A History of the Malaysian Chinese Association*. Singapore: Oxford University Press.
- Hirschman, C. 1974. *Ethnic and Social Stratification in Peninsular Malaysia*. American Sociological Association Rose Monograph Series. Washington D. C.
- Holmes, J. 2001. *An Introduction to Sociolinguistics*, edisi ke-2. Essex, England: Longman.
- Jiao Zong 33nian Bianjishi (Sidang Pengarang Penerbitan Sempena Ulang Tahun Ke-33 GPGSC) (ed.) 1987. *Jiao Zong 33nian (33 Tahun GPGSC)*. Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
- Jiao Zong Jiaoyu Yanjiu Zhongxin (Pusat Penyelidikan Pendidikan) (ed.) 1984. *Huawen Jiaoyu Shiliao (Dokumen Sejarah Pendidikan Cina)*. Jilid II. Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia.
- _____ (ed.) 1986. *Huawen Zhongxue Gaizhi Zhuanji (Terbitan Khas Pertukaran Aliran Sekolah Menengah Cina)*. Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia.
- Kelman, H. C. 1971. Language as an Aid and Barrier to Involvement in the National System. Dalam J. Rubin and B. H. Jernudd (ed.). *Can Language be Planned?* Hawaii: The University Press of Hawaii, 21-51.
- Lim Lian Geok. 1988. *Huawen Jiaoyu Huyulu (Seruan Pendidikan Cina)*. Kuala Lumpur: Yayasan Lim Lian Geok.
- Loot Ting Yee (ed.) 1996. *Shizai Huo Bumie: Shen Muyu Ziliao Huibian (Er)* (Koleksi Dokumen tentang Sim Mow Yu). Jilid II. Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia.
- Mauzy, D. K. 1983. *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Means, G. P. 1991. *Malaysian Politics: The Second Generation*. Singapore: Oxford University Press.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1976. *From Malayan Union to Singapore Separation: Political Unification in the Malaysia Region 1945-65*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Salleh Abas. 1992. *Unsur-Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Protom Working Committee of Representative of Chinese Associations and Guilds of Malaysia 1965. *A Memorandum to the Prime Minister for a Rightful Place of the Chinese Language*. Kuala Lumpur: Asia Press.
- Oong Hak Ching. 2000. *Chinese Politics in Malaya 1942-55: The Dynamics of British Policy*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramanathan, K. 1985. *Politik dalam Pendidikan Bahasa 1930-1971*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ramlah Adam 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- _____. 2005. *Dato' Onn Ja'ffar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratnam, K. J. 1965. *Communalism and the Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Roff, M. 1967. The politics of language in Malaya. *Asian Survey* 7(5), 316-328.
- Rustam A. Sani. 2008. *Social Roots of the Malay Left*. Kuala Lumpur: Strategic Information and Research Development Centre.
- Stockwell, A. J. 1979. *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948*. Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Monograph No. 8. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Tan Liok Ee 1984. Da Ma bandao huawen jiaoyu de fazhan (Perkembangan Pendidikan Cina di Semenanjung Malaysia). Dalam Lim Chooi Kwa and Loh Cheng Sun (eds.). *Malaixiya Huarenshi* (Sejarah Orang Cina di Malaysia). Petaling Jaya: The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities Malaysia, 283-325.
- _____. 1989. Wither Chinese education in Malaya: The controversy over Chung Ling High School. *Journal of the South Sea Society* 44, 67-90.
- _____. 1997. *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tay Lian Soo. 2001. *Malaixiya Huawen Jiaoyu Fazhan Shi* (Sejarah Perkembangan Pendidikan Cina di Malaysia). Jilid III. Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia.
- von Vorys, K. 1976. *Democracy without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wan Mohd. Mahyiddin & Nik Mustaffa Yusof. 1997. *Amanat Presiden: Landasan bagi Pembangunan Bangsa dan Negara*. Jilid I. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Wong Hoy Kee, Francis & Ee Tiang Hong. 1971. *Education in Malaysia*. Singapore: Heinemann.
- Yen Ching-Hwang. 2008. *The Chinese in Southeast Asia and Beyond: Socioeconomic and Political Dimensions*. Singapore: World Scientific.

(Sumber asalnya ialah kertas kerja CenPris [127/10] dalam bahasa Inggeris dengan judul *Chinese Language Movement, 1952-1967: The Nexus of Language and Ethnicity in a Plural Society*)

Penulis dan penterjemah: Tan Yao Sua, Ph.D.
 Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa
 Universiti Sains Malaysia
 11800 USM Pulau Pinang

Emel: yaosua@usm.my